

26 MAY 2002

Mahathir-MCA

DR MAHATHIR TAK TAHU MENGENAI MEMORANDUM LETAK JAWATAN LING DAN LIM

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak tahu mengenai sebarang perjanjian oleh Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik serta timbalannya Datuk Lim Ah Lek untuk meletak jawatan.

"Dia orang lebih tahu daripada saya. Masalah MCA dah selesai, dia ada mesyuarat tiada pertandingan, selesailah," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Fazilah bin Lazim, seorang daripada pegawai pengiring beliau di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar internet pada Jumaat lepas bahawa berdasarkan pelan perdamaian yang dicadangkan oleh beliau, Dr Ling dan Lim telah menandatangani satu memorandum untuk meletak jawatan tiga bulan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Menurut laporan itu, pengumuman mengenai pengunduran kedua-dua pemimpin itu tidak akan dibuat sebelum perhimpunan agung parti itu pada 29 Jun ini bagi membolehkan mereka bersetuju mengenai bakal presiden parti itu.

Malam tadi, Dr Ling menafikan beliau telah meletak jawatan sebagai Presiden MCA dan sebagai Menteri Pengangkutan.

Terdapat khabar angin kononnya surat peletakan beliau diserahkan oleh seorang daripada pembantu peribadinya ke Pejabat Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata : "Saya tak terima apa-apa pun, saya belum pergi ke pejabat."

Diminta mengulas sekiranya Dr Ling dan Lim berundur sebagai penyelesaian muktamad kepada masalah dalaman yang melanda MCA sebelum ini, Dr Mahathir berkata : "Itu lain kira, tak payahlah buat rundingan dalam akhbar."

-- BERNAMA

AT AKT MAI